

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكَلِّمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِنْ وَرَآئِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بِإِذْنِهِ مَا يَشَاءُ إِنَّهُ عَلَىٰ حَكِيمٍ

Bermaksud: Dan tidak mungkin bagi seseorang manusia bahwa Allah berkata-kata dengannya kecuali dengan perantaraan wahyu (dengan diberi ilham atau mimpi), atau dari belakang tabir (dengan mendengar sahaja kalam Ilahi tanpa melihatNya), atau dengan mengutus utusan (malaikat) lalu utusan itu menyampaikan wahyu kepadanya dengan izin Allah akan apa yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Dia (Allah) Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana. (As-Syura:51).

صلصلة الجرس ialah bunyi seperti gemercing loceng atau bunyi seperti rantai besi yang dihentakkan berterusan di atas kepingan besi yang lain. Sebelum melanjutkan perbincangan tentang suara atau bunyi seperti gemercing loceng, kita semua harus ingat bahawa tafsiran sesetengah 'ulama' tentang suara loceng tersebut adalah suara Allah s.w.t, bukan bererti mereka menerima konsep 'Tajsim' iaitu mempercayai Allah berjirim dan menyerupai makhluk, apatah lagi menyifatkan suaraNya seperti bunyi gemercing loceng. Sebaliknya ia merupakan suatu ibarat daripada Nabi s.a.w. yang menggambarkan bentuk datangnya wahyu tersebut. Bentuk datang wahyu dengan bunyian sebegini disifatkan oleh Nabi s.a.w di dalam hadits riwayat al-Haarits bin Hisyaam di atas sebagai bentuk yang paling berat kepada Baginda s.a.w. **صلصلة الجرس** iaitu bunyi gemercing loceng telah ditafsirkan dengan berbagai-bagai pendapat oleh para 'ulama'. Antara lainnya ialah: (1) Gemercing loceng yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. tersebut bukanlah benar-benar seperti suara loceng, sebaliknya ia merupakan suatu kiasan kepada suara atau nada yang tidak mampu difahami pengertian di sebaliknya oleh 'aqal manusia biasa sama seperti dentingan loceng yang tidak membawa apa-apa ma'na. Tetapi pengertian di sebaliknya mampu difahami oleh individu-individu yang diberikan keistimewaan tertentu seperti para nabi dan malaikat-malaikat tertentu. Setelah memahaminya mereka akan mengolahnya dalam bahasa masing-masing. (2) Gemercing loceng yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. bukanlah wahyu itu sendiri, sebaliknya ia merupakan alamat atau tanda untuk menarik perhatian sebelum kedatangan wahyu. Gambaran yang paling mudah untuk memahaminya ialah suara deringan telefon yang berbunyi sebelum gagangnya diangkat. Perbualan sebenar hanya berlaku selepas deringan tersebut. Hal itu disifatkan oleh Nabi s.a.w. sebagai sama seperti suara gemercing loceng. Antara tokoh yang berpendapat begini ialah Syeikhul Islam Pakistan Maulana Syabbir Ahmad 'Utsmaani. Tetapi pendapat ini disangkal oleh 'ulama'-'ulama' yang berpendapat bahawa suara tersebut sebenarnya adalah kandungan wahyu itu sendiri. Kerana menurut mereka Nabi s.a.w. telah menggambarkan bahawa bunyian tersebut sebagai bentuk yang paling berat diterima Baginda, jadi kalaulah ia bukannya kandungan wahyu, kenapakah ia turut mengandungi sesuatu yang berat?! (3) Gemercing loceng yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. adalah suara Jibril a.s. Nabi s.a.w. mendengarnya dalam suatu bahasa yang hanya mampu Baginda sifatkan sebagai suara loceng. Namun Baginda dapat mengingat dan memahaminya dengan baik di samping dapat pula mengolahnya dalam bahasa Baginda sendiri. Suara ataupun bentuk fizikal Jibril hanya mampu didengar dan dilihat oleh para nabi a.s. sahaja, pancaindera manusia biasa di dunia ini tidak akan tertanggung menerima impaknya. (4) Gemercing loceng yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. di dalam hadits ini adalah suara derapan sayap-sayap Jibril a.s. atau bunyi yang terhasil daripada kedatangan Jibril a.s. Di dalam sebuah hadits, Nabi s.a.w. pernah menggambarkan rupa asal Jibril a.s. yang pernah dilihat Baginda. Ia adalah malaikat yang mempunyai enam ratus sayap. Dan setiap sayapnya bagai bertatahkan permata-permata yang bergemerlapan. Jadi setiap kali Jibril

mengepakkan sayapnya, ia akan menghasilkan bunyi gemercing seumpama itu. Ini adalah pendapat Syeikhul Hadits Darul 'Uloom Deoband Maulana Husain Ahmad Madani r.a. (5) Gemercing loceng yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. adalah suara deruan gerombolan malaikat yang mengiringi Jibril a.s. Oleh kerana jumlah para malaikat yang mengiringi rombongannya amat besar, ia menghasilkan satu bunyian, sama seperti kumpulan lebah yang juga menghasilkan bunyi deruan yang tersendiri. Keadaan ini juga menggambarkan bahawa kedatangan wahyu adalah melalui suatu kawalan yang amat ketat. Jadi tidak mungkin sama sekali wahyu boleh diganggu atau kesuciannya dapat dicemari oleh tangan-tangan kotor syaitan dan kuncu-kuncunya. Lebih-lebih lagi malaikat Jibra'il yang menyampaikannya disifatkan oleh Allah s.w.t. sebagai malaikat yang gagah perkasa melalui firmanNya: *عَلَّمَهُ شَدِيدُ الْقُوَى* Bermaksud: "Dia (Muhammad) diajar oleh (Jibril) yang gagah perkasa." (6) Menurut sesetengah 'ulama', ia merupakan bunyi yang dicipta khusus oleh Allah dengan kekuasaanNya di dalam wahyu tertentu yang disampaikan kepada Nabi s.a.w. (7) Ada juga 'ulama' hadits berpendapat, bunyi itu adalah suara sebenar para malaikat. (8) Menurut Syah Waliyyullah r.a. bunyi seperti itu terhasil akibat daripada terhentinya fungsi panca indera terutamanya deria pendengaran lahir. Pada masa yang sama ia diganti oleh deria pendengaran batin. Sepertimana apabila deria penglihatan terganggu, pada ketika itu akan kelihatanlah kepada mata bermacam-macam warna yang tidak menentu. Kadang-kadang kelihatan merah, kadang-kadang pula kelihatan kuning, biru, hitam gelap dan sebagainya. Bagi Syah Waliyyullah bunyi seperti gemercing loceng itu kinayah kepada terhentinya fungsi deria pendengaran lahir daripada mendengar apa-apa bunyi atau suara di alam musyahadah, supaya jiwa Rasulullah s.a.w. tertumpu sepenuhnya kepada wahyu yang disampaikan dan Baginda s.a.w. menerimanya dengan penuh kesedaran dan penumpuan perhatian. (9) Wahyu yang datang dalam bentuk bunyi yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. seolah-olah suara gemercing loceng itu adalah suara Allah s.w.t. sendiri yang berbicara secara langsung dengan Baginda s.a.w. Namun sebagaimana telah disebutkan di atas, para 'ulama' yang berpendapat sedemikian tidaklah menyifatkan suara Allah s.w.t. sama seperti suara loceng. Sebaliknya ia hanya suatu kiasan atau gambaran yang menunjukkan bahawa suara tersebut adalah satu suara yang tidak mampu difahami oleh manusia biasa, sama seperti suara loceng yang tidak membawa apa-apa pengertian atau bahasa kepada mereka. Menerusi pendapat ini juga dapat difahami dan disimpulkan bahawa pendapat sebilangan besar tokoh-tokoh hadits termasuk Imam Bukhari sendiri tentang sifat Allah s.w.t. berbeda daripada pendapat Mutakallimin (ahli-ahli 'Ilmul Kalam) dari kalangan Asya'irah, Maturidiyyah dan sebagainya. Kerana bagi 'ulama' Mutakallimin atau ahli-ahli 'Ilmul Kalam tersebut, walaupun Allah s.w.t. bersifat dengan Mutakallim, iaitu berkata-kata, tetapi kata-kata atau kalamNya tidak bersuara. Sebaliknya Imam Bukhari dan juga 'ulama' hadits yang lain mengatakan kalam Allah itu bersuara, tetapi suara yang tidak menyerupai suara mana-mana makhlukNya, tidak boleh dieja dengan mana-mana ejaan mahupun disukat frekuensi dan vibrasinya dengan apa-apa alat. Walaupun begitu, pendapat muhadditsin ini tetap tidak bercanggah dengan maksud firman Allah: *لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ* Bermaksud: Tidak ada sesuatupun yang serupa denganNya. (asy-Syura:11). Kerana mereka berpendapat, suara tersebut tidak sama dan serupa dengan suara mana-mana makhlukNya. Dalam menjelaskannya mereka telah mengemukakan satu usul yang disimpulkan daripada beberapa ayat al-Qur'an. Usul itu dapat dilihat umpamanya pada kata-kata mereka seperti berikut: *لَهُ صَوْتٌ لَا كَأَصْوَاتِنَا* Bermaksud: Dia (Allah) punya suara, tetapi tidak seperti suara-suara kita (makhluk). *لَهُ حَيَاةٌ لَا كَحَيَاتِنَا* Bermaksud:

Dia (Allah) hidup, tetapi tidak seperti hidup kita (makhluk). *له بصر لا كإبصارنا* Bermaksud: Dia (Allah) punya penglihatan, tetapi tidak seperti penglihatan-penglihatan kita (makhluk). Bukankah Allah sendiri di dalam al-Qur'an telah menyifatkan diriNya bertangan? Apakah itu bererti al-Qur'an mengajarkan kepada kita bahawa Allah berjisim dan menyerupai makhluk? Tidak, sama sekali tidak. Bahkan kita menerimanya sambil beri'tiqad bahawa: *له يد لا كإيدينا* Bermaksud: Dia (Allah) mempunyai tangan, tetapi tidak seperti tangan kita (makhluk). Samalah juga halnya kalau begitu dengan suara Allah. Dalam menguatkan pendapatnya bahawa kalam Allah mempunyai suara, Imam Bukhari telah mengemukakan dua hadits secara ta'liq di dalam 'Kitab at-Tauhid' di penghujung kitab Sahihnya ini. Pertamanya daripada 'Abdillah bin Unais r.a. Lihatlah haditsnya itu sekarang: *يَحْشُرُ اللَّهُ الْعِبَادَ فَيَنَادِيهِمْ بِصَوْتٍ يَسْمَعُهُ مَنْ بَعْدَ كَمَا يَسْمَعُهُ مَنْ قَرُبَ* Bermaksud: "Allah s.w.t. akan mengumpulkan manusia dan akan menyeru mereka dengan suatu suara yang boleh didengari oleh orang yang jauh sebagaimana didengari oleh orang yang dekat." Di dalam hadits ini Nabi s.a.w. telah menyebutkan dengan jelas sekali bahawa Allah s.w.t. akan menyeru hamba-hambaNya dengan suatu suara, malah suara tersebut mampu didengar oleh mereka dengan begitu jelas dan baik sekali. Dan keduanya adalah satu riwayat mauquf daripada Ibnu Mas'ud r.a. Begini adanya: *إِذَا تَكَلَّمَ اللَّهُ بِالْوَحْيِ سَمِعَ أَهْلُ السَّمَوَاتِ شَيْئًا فَإِذَا فَرَّعَ عَنْ قُلُوبِهِمْ وَسَكَنَ الصَّوْتُ عَرَفُوا أَنَّهُ الْحَقُّ وَنَادَوْا مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ قَالُوا* Bermaksud: Apabila Allah bercakap dengan (memberi) wahyu, penghuni langit-langit mendengar sesuatu. Setelah dihilangkan ketakutan dari hati mereka dan suara itu telah berhenti, sedarlah mereka bahawa itu adalah (suara) yang benar. Mereka bertanya-tanya sesama sendiri: "Apakah yang telah dititahkan oleh Tuhan kamu?" Sebahagian di antara mereka menjawab: "Tuhan telah menitahkan kebenaran". Hadits ini juga jelas menunjukkan percakapan Allah itu didengari penghuni langit-langit dan ia merupakan suara. Inilah antara hadits yang dijadikan sebagai sandaran oleh Imam Bukhari dalam menyabitkan pendapat beliau. Dengan suara yang samalah Allah s.w.t. telah berkomunikasi secara langsung dengan NabiNya s.a.w. dari balik tabir atau *من وراء حجاب*. Golongan 'Asya'irah memang tidak bersetuju dengan pendapat ini. Ia sekali gus membuktikan bahawa Imam Bukhari bukan dari kalangan Asya'irah. Perbezaan pendapat seumpama itu tidaklah sampai mengeluarkan salah satu daripada dua golongan tersebut daripada keluarga Ahli as-Sunnah Wa al-Jamaah yang besar. Walaupun percanggahan tersebut berkaitan dengan usul dan 'aqidah, tetapi ianya masih berada di peringkat Furu' al-Usul atau furu' aqidah sahaja. Belum lagi ia sampai ke tahap usul al-usul (betul-betul asas 'aqidah). Hafiz Ibnu Hajar, Maulana Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri, Syekh Zakariya dan ramai lagi tokoh-tokoh hadits yang lain turut mentarjih pendapat Imam Bukhari dan mengaitkannya dengan logik kenapa Nabi s.a.w. menyifatkannya bentuk penurunan dan penyampaian wahyu yang paling berat. Bagi beliau, suara Allah s.w.t. yang sampai secara langsung kepada Nabi s.a.w. tanpa sebarang tapisan itulah yang membuatnya amat berat. Faktor-faktor yang menyebabkan pancaindera, fizikal dan mental Nabi s.a.w. mampu menerima dan menanggungnya adalah kesesuaian dan kelayakan yang telah disediakan oleh Allah pada diri Nabi s.a.w. Sampai di sini timbul persoalan, kenapakah wujudnya perbezaan di antara penyampaian wahyu al-Qur'an dan wahyu al-Hadis? Kenapa penurunan wahyu al-Qur'an hanyalah melalui perantaraan Jibril? Bukankah penyampaian yang terus secara langsung daripada Allah s.w.t. mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri? Antara jawapan yang diberikan oleh para 'ulama' hadits kepada persoalan-persoalan tersebut ialah: (1) Kandungan al-Qur'an adalah sesuatu yang rasmi daripada Allah s.w.t. (2) Jibril hanya menyampaikan kandungan wahyu yang telah ditetapkan setiap lafaz dan struktur ayat-

ayatnya oleh Allah s.w.t. (3) Sesuatu keputusan rasmi haruslah mengikut prosedur dan melalui unit-unit tertentu yang telah ditetapkan. (4) Penurunan wahyu secara bertapis juga lebih sesuai untuk dihidangkan kepada manusia, kerana penurunan wahyu al-Qur'an secara langsung tetap merupakan sesuatu yang berat kepada mereka. (5) Bentuk kedatangan wahyu yang berat juga bertujuan melatih jiwa Nabi s.a.w. menerima dan menanggung beban wahyu-wahyu yang akan menyusul kemudian. **Satu lagi kemusykilan yang mungkin** timbul dan perlu sekali dirungkaikan ialah kenapakah Rasulullah s.a.w. mengumpamakan wahyu yang begitu mulia dengan gemercing loceng yang digambarkan oleh beliau s.a.w. sendiri di dalam sesetengah hadits sebagai sesuatu yang tidak baik? Lihat saja misalnya dua hadits berikut ini: لَا تَصْحَبُ الْمَلَائِكَةُ رَفَقَةً فِيهَا: كَلْبٌ وَلَا جَرَسٌ Bermaksud: Para malaikat tidak bersama rombongan musafir yang membawa bersama mereka anjing dan loceng. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Ibnu Abi Syaibah, Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Hibbaan dan lain-lain). الْجَرَسُ مَرَامِيزُ الشَّيْطَانِ Bermaksud: Loceng itu seruling-seruling syaitan. (Hadits riwayat, Ahmad, Muslim, Abu Daud, Ibnu Hibbaan, Baihaqi, Abu Ya'la dan lain-lain). Beberapa jawapan telah diberikan oleh tokoh-tokoh hadits. Antaranya ialah: (1) Sebanarnya ada latar belakang (سبب الورد) di sebalik kedua-dua sabda Rasulullah s.a.w. itu. Latar belakangnya ialah sering kali Rasulullah s.a.w. berangkat untuk menyerang musuh pada waktu malam. Dalam keadaan itu perlu sekali segala pergerakan angkatan tentera Baginda s.a.w. dirahsiakan dan tidak sampai ke pengetahuan musuh. Dengan adanya seorang dua anggota tentera yang cuai membawa anjing dan unta atau kuda yang dipasang loceng di lehernya, boleh menarik perhatian pihak musuh dan seterusnya mengancam keselamatan tentera-tentera Islam keseluruhannya. Disebutkan anjing kerana ia biasa menyalak. Salakannya akan menyedarkan pihak musuh tentang kehadiran pihak yang akan menyerangnya. Bunyi loceng yang boleh didengari dari jauh juga boleh menyedarkan musuh dan membuatkan mereka berwaspada atau bertindak menyerang pihak lawannya dengan lebih terancang dan tersusun sebelum ketibaan mereka lagi. Pendek kata kedua-duanya boleh meletakkan tentera Islam dalam situasi bahaya. Itulah sebabnya Rasulullah s.a.w. mengungkapkan kedua-dua hadits tersebut. Dan itulah juga antara situasi yang menyebabkan loceng dipandang Baginda s.a.w. sebagai sesuatu yang tidak baik dan tercela. Ia tidak bermaksud menghukum semua jenis loceng tidak baik dan tercela dalam semua keadaan dan di semua tempat. (2) Hafiz Ibnu Hajar berkata, di dalam sesuatu perumpamaan tidak semestinya terdapat segala sifat musyabbah bih (sesuatu yang diumpamakan dengannya) pada musyabbah (sesuatu yang diumpamakan). Perkongsian dalam sifat khususnya juga tidak mesti. Yang mesti ada hanyalah perkongsian kedua-duanya dalam sesuatu sifat. Perbandingan dan perumpamaan yang dibuat di dalam hadits al-Haarits bin Hisyaam hanyalah daripada sudut jenis bunyi loceng semata-mata. Iaitu sejenis bunyi yang dima'lumi semua orang. Rumusan jawapan Hafiz Ibnu Hajar ialah bunyi loceng mungkin bersifat keras dan mendesing atau mungkin juga bersifat menyeronokkan dan enak didengar sehingga boleh mengkhayalkan seseorang. Perumpamaan yang dibuat Rasulullah s.a.w. di dalam hadits itu adalah daripada sudut kekerasan dan desingannya, bukan sudutnya yang enak didengar dan menyeronokkan itu. (3) Mengumpamakan sesuatu yang baik atau mulia dengan sesuatu yang tercela atau hina (تشبيه) (المحمود بالمذموم) tidak salah jika sudut keserupaannya (وجه شبه) jelas dan ma'lum. Sudut keserupaan di antara wahyu atau suara malaikat dengan loceng yang tersebut di dalam hadits al-Haarits bin Hisyaam itu adalah bunyi yang berterusan, bertubi-tubi dan tidak dapat dibezakan sebahagiannya daripada sebahagian yang lain. Bunyi yang tidak mempunyai huruf dan makhraj yang berbeza